

# Orang2 pelarian di sini tidak akan dibiar terlibat dengan politik tempatan — Dr. M

OLEH DOUGLAS TAY

<sup>uu</sup> 22 OCT 1980  
KUALA LUMPUR 21 Okt. — Kerajaan akan memastikan bahawa golongan dakwah akan hanya menjalankan dakwah dan tidak bertopengkan badan dakwah untuk berlatih bagi tujuan keganasan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang-orang pelarian Kampuchea yang tinggal di negara ini akan juga dipastikan supaya mereka tidak terlibat dengan kegiatan politik tempatan dan agama.

"Kerajaan tidak akan membiarkan golongan pelarian itu berkeliaran begitu sahaja," tegasnya lagi ketika diminta mengulas langkah kerajaan untuk memastikan kejadian hitam di Batu Pahat tidak akan berulang.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas melawat pameran perabot anjuran Persatuan Peniaga-Peniaga Perabot Malaysia, di Changkat Pavilion di sini hari ini.

Menurut beliau, kerajaan menghadapi masalah dalam membezakan golongan dakwah yang tulen dan yang tidak, dan ia tidak dapat mengetahui kumpulan mana yang akan mengganas.

"Kerajaan juga tidak dapat mengambil tindakan sebelum golongan dakwah melakukan kesalahan kerana kerajaan mungkin akan dituduh sebagai menindas mereka," jelasnya lagi.

Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa kerajaan masih boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap golongan yang bertopengkan agama tetapi melakukan jenayah di mana-mana negeri.

Katanya, kerajaan juga boleh bertindak ke atas mereka yang mengadakan ajaran-ajaran salah yang bertentangan dengan agama.

Mengenai Perlembagaan Persekutuan, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan sekiranya perlembagaan itu tidak mencukupi untuk bertindak terhadap golongan-golongan yang mengganas di sebuah

negeri, kerajaan akan mengambil "langkah-langkah lain untuk memperbaikinya."

Beliau bagaimanapun tidak menerangkan apa langkah-langkah baru tersebut yang akan diambil oleh kerajaan.

Beliau juga menerangkan bahawa sebarang pindaan ke atas perlembagaan untuk menyelaraskan hal-ehwal agama di peringkat negeri-negeri dengan peringkat Persekutuan haruslah mendapat persetujuan dari pihak kerajaan negeri.

Katanya, Kerajaan Persekutuan tidak boleh merampas kuasa dari kerajaan negeri begitu sahaja.

Terdahulu dari itu, Timbalan Perdana Menteri itu berkata negara ini patut digalakkan mengeksport barangan yang tidak dapat dibuat di negara-negara Barat, seperti perabot.

Menurutnya, perabot hanya dikenakan cukai import yang rendah oleh negara-negara asing dan mereka juga tidak menyekat kemasukan barangan tersebut.